

1. Teliti maklumat ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu berikut.

Undang -undang dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan

Apakah nama undang -undang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Majapahit?

- A Kutara Manawa
- B Hukum Kanun Melaka
- C Inskripsi Telaga Batu
- D Undang-undang Dewa Siva

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai ciri negara bangsa berikut.

Rakyat

Apakah peranan rakyat dalam kerajaan tersebut?

- A Memberi taat setia
- B Mengutip cukai negara
- C Mengesahkan arahan sultan
- D Menetapkan sempadan wilayah

3. Apakah tugas Temenggung dalam Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menjatuhkan hukuman mati
- B Mengetuai rombongan diplomatik
- C Mengawal keamanan dalam negeri
- D Melicinkan kutipan cukai di pelabuhan

4. Maklumat berikut berkaitan revolusi yang berlaku di Barat.

- Revolusi Perancis (1789)

Apakah kesan revolusi tersebut ?

- A Pengenalan akta cukai
- B Pembentukan negara baru
- C Pemerintahan beraja tamat
- D Pengukuhan hubungan diplomatik

5. Bagaimanakah golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat menentang British di Burma?

- A Membentuk Katipunan
- B Menubuhkan Persatuan Belia Buddha
- C Menerbitkan akhbar Tribune Indige
- D Melancarkan pemberontakan Saya San

3/12

6. Perang Dunia Pertama berlaku pada tahun 1914 hingga 1918. Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

- A Pengeboman Pearl Harbour
- B Perbezaan ideologi antara negara
- C Persengketaan Rusia dengan Britain
- D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary

7. Teliti gambar berikut.



Bagaimanakah tindak balas penduduk tempatan dalam menghadapi kekejaman tersebut?

- A Menyokong Kita Borunco
- B Mengadakan tunjuk perasaan
- C Memberi kerjasama dengan British
- D Menjauhkan diri daripada parti radikal

8. Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat British Military Administration (BMA).

- Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- Memulihkan kepercayaan rakyat

Bagaimanakah BMA mencapai matlamat tersebut?

- I Meminta senjata dipulangkan
- II Membentuk kerajaan pusat
- III Melantik seorang Gabenor British
- IV Mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Pegawai British tersebut diberi tanggungjawab untuk membentuk pentadbiran baharu.



Mejar Jeneral Ralph Hone



George Henry Hall

4/12

Apakah peranan pegawai tersebut?

- A Mewujudkan gagasan Malayan Union
 - B Menubuhkan Young Malay Association
 - C Memperkenalkan Majlis Perundangan
 - D Mengisytiharkan Warta Kerajaan
10. Bagaimanakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 membela nasib penduduk asal di Tanah Melayu ?
- A Melindungi hak peribumi
 - B Memonopoli pentadbiran negara
 - C Memansuhkan kerakyatan imigran
 - D Membentuk parti politik mengikut kaum
11. Gambar berikut merupakan pasukan keselamatan di Sarawak.



Sarawak Rangers

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Memastikan keselamatan kampung
- B Memusnahkan kem komunis dalam hutan
- C Memperkenalkan kawasan hitam dan putih
- D Membekalkan makanan kepada pasukan bertugas

12. Bagaimanakah British menumpaskan kegiatan Min Yuen?

- A Memeterai perjanjian damai
- B Membuka penempatan baru
- C Melancarkan serangan gerila
- D Menangkap pemimpin radikal

13. Gambar berikut merupakan kawasan penempatan semula yang dibina oleh kerajaan semasa darurat.



Apakah kesan pembinaan kawasan penempatan semula tersebut?

5/12


- A Mengelakkan penularan penyakit berjangkit
- B Merenggangkan hubungan antara kaum
- C Mengurangkan kadar kemiskinan
- D Mengukuhkan sistem pentadbiran

14. Apakah perkara yang termaktub dalam Ordinan berikut ?

Ordinan Pelajaran 1952

- A Sistem peperiksaan yang seragam
- B Pendidikan kemahiran diperkenalkan
- C Kurikulum berorientasikan Tanah Melayu
- D Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

15. Rajah berikut menunjukkan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu (PTM) sebelum merdeka.




Apakah X?

- A Pilihan raya Majlis Borneo Utara
- B Pilihan raya Majlis Perbandaran Melaka
- C Pilihan raya Majlis Perbandaran Kuching
- D Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

16. Pilih syarat menjadi pengundi dalam pilihan raya 1955.

- A Berumur 21 tahun ke atas
- B Tinggal menetap selama 12 bulan
- C Menguasai bahasa Inggeris
- D Menjadi ahli politik

17. Teliti peta berikut.



6/12

Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan sedemikian?


- A Menjimatkan kos
- B Menyusun strategi rundingan
- C Memastikan laluan lebih selamat
- D Meningkatkan hubungan diplomatik

18. Apakah bentuk kerakyatan yang diwujudkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Kelulusan parlimen
- II Melalui permohonan
- III Kuat kuasa undang-undang
- IV Perkenan raja-raja Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Gambar berikut merupakan seorang nasionalis India .



Mahatma Gandhi

Apakah maksud kemerdekaan menurut tokoh tersebut?

- A Usaha pembangunan yang pesat mampu menaikkan semangat
- B Kemerdekaan dapat mengatasi penindasan warna kulit
- C Seluruh rakyat perlulah bersatu untuk menuju masa depan
- D Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya

20. Maklumat berikut adalah peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal.

- Pembinaan istana
- Pembinaan stadium
- Mencipta lagu kebangsaan

Apakah tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Mengumumkan penubuhan UMNO
- B Merayakan kemenangan pilihan raya
- C Meraikan hari kemerdekaan negara
- D Mengisytiharkan pembentukan Malaysia

21. Maklumat berikut merujuk kepada jenis kedaulatan.

Mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

7/12

Apakah jenis kedaulatan tersebut?

- A Moden
- B Tradisional
- C Antarabangsa
- D Undang-undang

22. Apakah ciri negara berdaulat?

- I Pentadbiran yang sistematik
- II Sempadan yang jelas
- III Rakyat berbilang kaum
- IV Naungan kerajaan lain

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV